



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT PERTAMA
(MEMILIH SPEAKER, MENGANGKAT SUMPAH
AHLI-AHLI DEWAN NEGERI DAN MEMILIH
TIMBALAN SPEAKER)
BAGI PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

Pada
28 JUN 2018

Disediakan oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

**MESYUARAT PERTAMA
(MEMILIH SPEAKER, MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN
NEGERI DAN MEMILIH TIMBALAN SPEAKER)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
HARI KHAMIS, 28 JUN 2018		
1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor memanggil Dewan Negeri Untuk Bermesyuarat.	6
4.	Memilih Speaker Dewan Negeri	6
5.	Angkat Sumpah Oleh Speaker	7
6.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker	8
7.	Menjalankan Kerja Mengangkat Sumpah Ahli-Ahli Dewan Negeri	9
8.	Memilih Timbalan Speaker Dewan Negeri	11
9.	Penangguhan	12
10.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	13

~~~~~ Dewan Negeri Johor ~~~~~

## PENYATA RASMI

### MESYUARAT PERTAMA (MEMILIH SPEAKER, MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN NEGERI DAN MEMILIH TIMBALAN SPEAKER) BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

|                     |                    |                        |
|---------------------|--------------------|------------------------|
| <b>HARI KHAMIS,</b> | <b>28 JUN 2018</b> | <b>BIL. 1 TAHUN 14</b> |
|---------------------|--------------------|------------------------|

#### **HADIR**

##### **YB Speaker,**

Tuan Suhaizan bin Kaiat

##### **YB Timbalan Speaker,**

Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

##### **YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Johor**

Dato' Haji Osman bin Sopian  
(Kempas)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan**

Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar**

Tuan Sr. Dzulkefly bin Ahmad  
(Kota Iskandar)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi**

Tuan Tan Hong Pin  
(Skudai)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia dan Perpaduan**

Tuan Dr. S. Ramakrishnan  
(Bekok)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan**

Tuan Haji Mazlan bin Bujang  
(Puteri Wangsa)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti**

Tuan Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan**

Cik Liow Cai Tung (Johor Jaya)

##### **YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan**

Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar  
(Semerah)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian**

Tuan Dr. Sahrudin bin Jamal  
(Bukit Kepong)

**YB Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan  
Ekonomi Kreatif**

Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali  
(Paloh)

YB Tan Sri Muhyiddin bin Md Yasin  
(Gambir)

YB Tuan Haji Salahuddin bin Ayub  
(Simpang Jeram)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Tuan Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Tuan Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Tuan Yeo Tung Siong  
(Pekan Nanas)

YB Tuan Cheo Yee How  
(Perling)

YB Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
(Serom)

YB Tuan Ng Yak Howe  
(Bentayan)

YB Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
(Bukit Naning)

YB Tuan Mohd. Izhar bin Ahmad  
(Larkin)

YB Tuan Dr. Sulaiman bin Mohd. Nor  
(Kemelah)

YB Tuan Dr. Chong Fat Full  
(Pemanis)

YB Tuan Muhamad Said bin Jonit  
(Mahkota)

YB Tuan Chew Chong Sin  
(Mengkibol)

YB Tuan Tee Boon Tsong  
(Senai)

YB Tuan Tosrin bin Jarvanthi  
(Bukit Permai)

YB Dato' Che Zakaria bin Mohd. Salleh  
(Permas)

YB Puan Nor Hayati binti Bachok  
(Maharani)

YB Tuan Mohd. Solihan bin Badri  
(Tenang)

YB Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman  
(Pulai Sebatang)

YB Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim  
(Senggarang)

YB Tuan S. Gopalakrishnan  
(Tiram)

YB Tuan Haji Rasman bin Hj Ithnain  
(Sedili)

YB Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
(Johor Lama)

YB Puan Hajah Alwiyah binti Talib  
(Endau)

YB Datuk Ir. Hasni bin Mohammad  
(Benut)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali  
(Semarang)

YB Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan  
(Kahang)

YB Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan  
(Sri Medan)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil  
(Rengit)

YB Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar  
(Machap)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail  
(Sungai Balang)

YB Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Senator Dato' Zahari bin Sarip  
(Buloh Kasap)

YB Dato' Sh. Azizah binti Dato' Syed Zain  
(Penawar)

YB Puan Nor Rashidah binti Ramli  
(Parit Raja)

YB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi  
(Layang-Layang)

YB Tuan Hahasrin bin Hashim  
(Panti)

YB Puan Rashidah binti Ismail  
(Pasir Raja)

YB Kapt (B) Haji Najib bin Lep  
(Bukit Pasir)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Azmi bin Rohani, DMIJ., SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SIJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Dato' Haji A. Rahim bin Haji Nin, DMIJ., SMJ., SIJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Datuk Md Othman bin Yusof  
(Kukup)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR MEMANGGIL DEWAN NEGERI UNTUK BERMESYUARAT.**

“Pemasyhuran oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim.

Bahawasanya Dewan Negeri Johor Darul Ta’zim telah dimansuhkan pada 7 April 2018.

Bahawasanya diperuntukkan oleh jumlah kata (4) Fasal 23 dalam Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895 memperuntukkan bahawa Dewan Negeri hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh pemansuhan itu;

Maka oleh yang demikian, Kita, Ibrahim, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta’zim pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Kita di bawah Fasal 23 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895,

Dengan ini memanggil Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 28 Jun 2018 jam 9.30 pagi sebagai tarikh dan waktu bagi memulakan Mesyuarat Pertama Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Yang Keempat Belas yang akan diadakan di Dewan Persidangan Dewan Negeri, di Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.

Dikurniakan di Istana Kita di Bukit Serene, Johor Bahru pada 7 Jun 2018.

Yang Menjunjung Titah, Dato’ Haji Osman Bin Sopian, Menteri Besar Johor.

**Jurutulis : MEMILIH SPEAKER DEWAN NEGERI.**

Yang Amat Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, menurut Fasal 24 Jumlahkata (1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 dan menurut peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 1 dan 2 Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor, Dewan Negeri akan menjalankan urusan memilih Speaker.

Adalah dimaklumkan bahawa saya selaku Jurutulis Dewan Negeri telah menerima hanya satu cadangan bertulis nama orang yang hendak dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri. Cadangan itu datangnya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam suratnya bertarikh 6 Jun 2018 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu rundingan di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Speaker Dewan Negeri. Sekarang, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan cadangan memilih Speaker.

**YAB Menteri Besar :** Bismillahirrahmaanirrahim. Jurutulis, saya membawa rundingan ini untuk mencadangkan iaitu Yang Berbahagia Tuan Suhaizan bin Kaiat dipilih menjadi Speaker dan menurut Peraturan Tetap Bilangan 2(1), Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor. Saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju menerima jawatan Speaker jika dipilih dan seterusnya dijemput mengambil tempat di dalam Dewan Negeri Johor ini sebagai Speaker.

Saya memohon bahawa rundingan untuk mencadangkan supaya Yang Berbahagia Tuan Suhaizan bin Kaiat dipilih oleh Dewan ini menjadi Speaker bagi Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Tuan Suhaizan bin Kaiat seorang anak jati Muar yang berumur 45 tahun ini berpengalaman luas dalam bidang politik serta memainkan peranan aktif menyampaikan pelbagai isu kepada agensi kerajaan.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dan Master Sains Komputer dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Tuan Suhaizan bin Kaiat pernah bertugas sebagai Tutor dan Pensyarah Sains Komputer di Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selama 4 tahun.

Dalam bidang politik, beliau amat aktif memberikan perkhidmatannya menerusi Parti PAS sehingga tahun 2015. Beliau pernah menjawat jawatan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat dan Ketua Dewan Pemuda PAS Negeri Johor.

Bermula 2016, beliau komited meneruskan agenda perjuangan rakyat melalui Parti AMANAH. Beliau berkhidmat sebagai Setiausaha Organisasi Amanah dan Naib Pengerusi AMANAH Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan :** Jurutulis, saya menyokong cadangan itu.

**Jurutulis :** Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh kerana hanya ada satu cadangan sahaja yang telah diterima dan disokong menjadi Speaker.

Maka menurut peruntukan Peraturan Tetap Bilangan 2(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor selaras dengan Fasal 24 Jumlah Kata (1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, saya dengan ini mengisytiharkan bahawa Yang Berbahagia Tuan Suhaizan bin Kaiat adalah dipilih sebagai Speaker Dewan Negeri Johor Darul Takzim.

**Jurutulis : ANGKAT SUMPAH OLEH SPEAKER.**

Diminta Penolong Jurutulis Dewan Negeri untuk mempersilakan dan mengiringi Yang Berbahagia Tuan Suhaizan bin Kaiat untuk mengangkat sumpah dan menandatangani Surat Sumpah Jawatan Sebagai Speaker di bawah dengan Fasal 24 Jumlah Kata (1B) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 dan Peraturan Tetap Bilangan 2(8) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor.

**YB Speaker :** Bismillahirrahmaanirrahim. (Bacaan selawat). Wallahi Wabillahi Watallahi. Bahawa adalah saya, Suhaizan bin Kaiat yang telah dipilih menjadi seorang Speaker Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* bagi negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah atau berikrar dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Speaker Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* yang tersebut itu. Dan, saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan menyempurnakan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor. Barang ditolongi oleh Allah akan saya, Suhaizan bin Kaiat disempurnakan pada 28 Jun 2018, bersamaan dengan 14 Syawal 1439.

**Jurutulis :** Saya dengan ini mempersilakan YAB Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, Menteri Besar Johor untuk memakaikan jubah rasmi Yang Berhormat Tuan Speaker.

**Jurutulis :** Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, apabila saya menyebut Yang Berhormat Tuan Speaker, para hadirin sekalian dipersilakan bangun dan memberi tunduk hormat.

**Jurutulis :** Yang Berhormat Tuan Speaker. (Ahli-Ahli Yang Berhormat bangun dan memberi tunduk hormat).

**Jurutulis :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah aturan urusan memilih Speaker Dewan Negeri.

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TUAN SPEAKER.**

**YB Speaker :** Bismillahirrahmaanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Haji Osman bin Sopian, EXCO Kerajaan Johor, Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi kepercayaan dengan memilih saya sebagai Speaker bagi Dewan Negeri yang mulia ini. Pemilihan ini adalah satu penghormatan yang sangat tinggi buat saya. Saya menginsafi bahawa tugas ini adalah amat berat dan perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab seperti yang telah saya lafazkan dalam sumpah sebentar tadi.

Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih bagi pihak seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Johor kepada Yang Berbahagia Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, Mantan Speaker Dewan Negeri Johor dan Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Haji Dasuki, Timbalan Speaker di atas jasa dan sumbangan mereka berdua sebagai Speaker dan Timbalan Speaker bagi Penggal Persidangan Yang Ke-13. Saya berada di sini adalah atas amanah yang telah diberikan oleh rakyat. Tahniah kepada semua Yang Berhormat yang telah dipilih pada penggal kali ini.

Dan juga, kita berada di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor yang telah diasaskan pada 14 April 1895 oleh Sultan Abu Bakar, pengasas Johor Moden. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor adalah lambang tiang seri kepada pembentukan sebuah kerajaan yang merdeka dan berdaulat. Ketinggian undang-undang ini sehingga menjadi rujukan ketika penggubalan Perlembagaan Persekutuan. Kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kebijaksanaan pemimpin terdahulu telah meletakkan asas yang kukuh untuk diwarisi sehingga ke generasi kita hari ini. Amanah adalah satu tanggungjawab bukan satu keistimewaan, amanah bakal dipersoalkan oleh Tuhan yang Maha Kuasa. Perkara utama dalam melaksanakan amanah adalah keadilan. Tuhan akan membantu negeri yang adil dan tidak akan membantu negeri yang zalim. Keadilan adalah tunggak kesejahteraan dan perpaduan. Tanpanya negeri menjadi pincang dan berpecah belah. Keadilan bukan sahaja perlu dilaksanakan bahkan perlu ditegakkan walaupun dalam keadaan kita berbeza pendapat dan bertentangan antara satu sama lain.

Sesungguhnya keadilan itu lebih hampir kepada ketakwaan. Allah menyebut; (Bacaan potongan ayat Al-Quran). Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan keadilan kerana Allah, jadi saksi dengan adil, jangan sekali-kali kebencian kamu kepada sesuatu kaum mendorong kamu berlaku tidak adil. Berlaku adillah sesungguhnya keadilan itu lebih hampir ketakwaan. Al-Maidah, Ayat 8.

Bagi melaksanakan amanah rakyat ini, Dewan Negeri, *Legislative Assembly*, perlu bergerak seiring dengan perubahan dan kehendak rakyat. Saya beriltizam untuk melaksanakan yang terbaik kepada negeri Johor. Justeru, penambahbaikan terhadap mutu persidangan perlu

dilaksanakan agar Dewan yang mulia ini, mampu menjadi kuasa semak dan imbang kepada eksekutif negeri Johor. Semoga dapat dijayakan dengan penuh muafakat, muafakat itu berkat, insya-Allah. Sekian.

**Jurutulis : MENJALANKAN KERJA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN NEGERI.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri ini . Dengan ini saya persilakan, Yang Berhormat Menteri Besar memulakannya dituruti oleh Ahli-Ahli yang lain mengikut seruan Jurutulis.

Yang Amat Berhormat Dato' Haji Osman bin Sopian.

**YAB Menteri Besar :** Bismillahirrahmaanirrahim. Wallahi Wabillahi Watallahi. Bahawa adalah saya Osman bin Sopian yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri atau "Legislative Assembly" bagi negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Ahli Dewan Negeri atau "Legislative Assembly" yang tersebut itu dan saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor.

Barang ditolongi Allah akan saya. Saya Osman bin Sopian.

Disempurnakan pada 28 Jun 2018 bersamaan 14 Syawal 1439.

**Jurutulis :** Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan.

Yang Berhormat Tuan Dzulkefly bin Ahmad

Yang Berhormat Tuan Tan Hong Pin

Yang Berhormat Tuan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah

Yang Berhormat Tuan Haji Mazlan bin Bujang

Yang Berhormat Tuan Jimmy Puah Wee Tse

Yang Berhormat Cik Liow Cai Tung

Yang Berhormat Tuan Mohd Khuzzan bin Abu Bakar

Yang Berhormat Tuan Dr. Sahrudin bin Jamal.

Yang Berhormat Tuan Sheikh 'Umar Bagharib bin Ali

Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Md. Yassin

Yang Berhormat Tuan Haji Salahuddin bin Ayub.

Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng

Yang Berhormat Tuan Tan Chen Choon

Yang Berhormat Puan Chew Peck Choo

Yang Berhormat Tuan Chen Kah Eng  
Yang Berhormat Tuan Ee Chin Li  
Yang Berhormat Tuan Yeo Tung Siong  
Yang Berhormat Tuan Cheo Yee How  
Yang Berhormat Tuan Ir. Dr. Faizul Amri bin Adnan  
Yang Berhormat Tuan Ng Yak Howe  
Yang Berhormat Tuan Md. Ysahrudin bin Kusni  
Yang Berhormat Tuan Mohd Izhar bin Ahmad  
Yang Berhormat Dr. Sulaiman bin Mohd Nor  
Yang Berhormat Dr. Chong Fat Full  
Yang Berhormat Tuan Muhamad Said bin Jonit  
Yang Berhormat Tuan Chew Chong Sin  
Yang Berhormat Tuan Tee Boon Tsong  
Yang Berhormat Tuan Tosrin bin Jarvanti  
Yang Berhormat Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh  
Yang Berhormat Puan Nor Hayati binti Bachok  
Yang Berhormat Tuan Mohd Solihan bin Badri  
Yang Berhormat Tuan Muhammad Taqiuddin bin Cheman  
Yang Berhormat Tuan Ir. Khairuddin bin A. Rahim  
Yang Berhormat Tuan Gopalakrishnan a/l Subramaniam  
Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
Yang Berhormat Tuan Haji Rosleli bin Jahari  
Yang Berhormat Puan Hajah Alwiyah binti Talib  
Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad  
Yang Berhormat Datuk Haji Samsolbari bin Jamali  
Yang Berhormat Tuan Vidyananthan a/l Ramanadhan

Yang Berhormat Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan  
Yang Berhormat Tuan Haji Ayub bin Jamil  
Yang Berhormat Tuan Haji Abd Taib bin Abu Bakar  
Yang Berhormat Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abdul Rahman  
Yang Berhormat Puan Zaiton binti Ismail  
Yang Berhormat Tuan Raven Kumar a/l Krishnasamy  
Yang Berhormat Dato' Zahari bin Sarip  
Yang Berhormat Dato' Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain  
Yang Berhormat Puan Nor Rashidah binti Ramli  
Yang Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Ghazi  
Yang Berhormat Tuan Hahasrin bin Hashim  
Yang Berhormat Puan Rashidah binti Ismail  
Yang Berhormat Tuan Kapt (B) Haji Najib bin Lep

**Jurutulis : MEMILIH TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut Fasal 24 Jumlahkata (2A) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, Dewan Negeri bolehlah dari semasa ke semasa memilih seorang ahlinya menjadi Timbalan Speaker.

Jurutulis Dewan Negeri telah menerima satu sahaja pencalonan untuk Timbalan Speaker. Cadangan itu datangnya daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam suratnya bertarikh 6 Jun 2018, memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu rundingan di mesyuarat ini bagi maksud memilih seorang Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Oleh itu, saya dengan hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa rundingan bagi pemilihan Timbalan Speaker Dewan Negeri.

**YAB Menteri Besar :** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya dengan sukacitanya ingin membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng, Ahli Dewan Negeri Kawasan Penggaram dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Negeri.

Saya mohon membawa rundingan dan mencadangkan supaya Yang Berhormat Gan Peck Cheng dipilih oleh Dewan ini menjadi Timbalan Speaker bagi Dewan Negeri Johor Kali Yang Ke-14.

Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng seorang anak jati Kampung Minyak Beku, Batu Pahat, berumur 52 tahun. Berpengalaman dalam bidang politik dan banyak memainkan peranan aktif dalam kalangan masyarakat setempat. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Cina Batu Pahat. Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng pernah bertugas sebagai guru

tadika sebelum bergiat aktif di dalam arena politik. Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng seorang aktivis NGO yang aktif di Johor. Beliau telah dipilih sebagai Naib Pengerusi Wanita Persatuan Chin Kang dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Alumni Sekolah Rendah Ping Ming. Dalam bidang politik, beliau amat aktif memberikan khidmatnya menerusi parti DAP. Beliau menjawat jawatan Setiausaha DAP Johor dan Naib Pengerusi Wanita Kebangsaan DAP Malaysia. Beliau telah dilantik menjadi Ketua Pembangkang Bagi Dewan Undangan Negeri Ke-13 yang lalu.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan :** Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong rundingan tersebut.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, rundingan kepada cadangan ini telah disokong. Tiada pencalonan lain dikemukakan. Oleh itu, mengikut Fasal 24 Jumlahkata (2A) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895, dengan ini saya sukacita mengisytiharkan Yang Berhormat Puan Gan Peck Cheng, Ahli Dewan Negeri Kawasan Penggaram dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Negeri. (Dewan Bertepuk).

Demikianlah tadi upacara mengangkat sumpah Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri bagi Penggal Persidangan Dewan Negeri Johor Yang Ke-14. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan berdoa agar pentadbiran negeri ini terus dapat diperkukuhkan untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan negeri terus berkembang lagi.

Marilah juga kita berikrar kepada Dewan Negeri ini untuk menjalankan urusan-urusan Dewan sepanjang Persidangan yang akan datang dengan teratur dan lancar dalam memelihara kemuliaan Dewan ini selari dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895.

Seterusnya, dipersilakan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bergerak ke Pintu Utama Dewan untuk sesi bergambar beramai-ramai dan seterusnya menikmati juadah makan tengah hari bersama dengan ketua-ketua jabatan dan para jemputan di Dewan Jamuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan Negeri ini saya tangguhkan ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Seeru 'ala barakatillah.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:15 pagi.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Penolong Jurutulis**

Encik Hasnul Atmam bin Othman  
Puan Farrah Diana binti Mohammad

### **Ketua Unit Dewan**

Puan Norliza binti Md. Aris

### **Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan  
Encik Muhamad Khairul Asyraf bin Abdullah  
Encik Muhammad Khairul bin Arop

### **Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Azlin binti Bahrin  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Noor Dalilah binti Dahalan

### **Rakaman**

Encik Abdul Rahman bin Elias  
Encik Azizan bin Md. Sidi

### **Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

### **Juruteknik**

Encik Mohd Faizal bin Jaffar

**UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
28 JUN 2018**